

Nasional

Ban Ki-moon dianugerah Ijazah Kehormat UKM

Bangi: Bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Keamanan Sejahtera dan Pembangunan Mapan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, yang juga Canselor UKM, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan menyampaikan penganugerahan sempena Konvokesyen UKM Ke-47, pada majlis khas di Kampus Induk UKM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tunku Besar Mahmud; Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin ibni Tuanku Muhriz dan Naib Canselor UKM, Prof Dr Mohd Hamdi Abdul Shukor.

UKM adalah universiti pertama di negara ini yang memberi penganugerahan itu bagi menghargai dedikasi dan sumbangan berterusan diplomat global berkenaan ke arah kemapanan dunia.

Ki-moon yang memegang jawatan penting dalam PBB selama dua penggal dari Januari 2007 hingga Disember 2016, bertang-

gungjawab kepada beberapa perubahan besar terhadap keamanan dunia, isu pemanasan global, kemiskinan, wanita dan belia.

Inisiatif utama beliau selepas dilantik sebagai Setiausaha Agung kelapan PBB adalah membabitkan Sidang Kemuncak Perubahan Iklim yang meletakkan isu perubahan iklim sebagai agenda global.

Beliau turut melancarkan inisiatif 'Caring for Climate' yang menyasarkan peranan industri dalam menghadapi perubahan iklim dengan mendapat persetujuan 350 pertubuhan perniagaan dari 65 negara.

Ki-moon turut berganding tenaga dengan anggota PBB membentuk Matlamat Pembangunan Mapan 2030 (SDG) bagi pembangunan lestari, selain menambah baik organisasi khususnya bagi persamaan gender dan pemerksaan wanita.

Berdasarkan pengaruh dan usaha beliau, Perjanjian Paris berkaitan pelepasan gas rumah hijau, mitigasi, adaptasi dan kewangan menjadi satu ikatan perjanjian sah, setahun lebih awal sejak mula diterima pakai pada 12 Disember 2015.



Tuanku Muhriz menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Keamanan Sejahtera dan Pembangunan Mapan dari UKM kepada Ki-moon pada majlis khas sempena Konvokesyen UKM Ke-47, di Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)